

Siap Siaga Sebelum Tidur

Encik Nazri bersiap untuk _____ di Kuala Lumpur. Sebelum bertolak, Encik Nazri berpesan kepada anak-anaknya agar memastikan langkah-langkah keselamatan di ambil sebelum tidur. Langkah-langkah itu seperti yang telah _____ oleh beliau selama ini.

Jam menunjukkan 8.00 malam. Ibu kunci pintu pagar. Manakala Azrul dan Afifi pula _____ dan _____ semua tingkap dan jeriji boleh laras. Mereka pastikan semua telah berkunci untuk elakkan dimasuki penceroboh.

Selepas itu, ibu Afifi masuk ke dalam bilik anak-anaknya. Beliau melihat mereka sedang _____ media sosial. Beliau berpesan kepada anak-anaknya agar tidak _____ maklumat tentang ketiadaan bapa mereka kepada orang lain. Beliau juga melarang mereka berkongsi maklumat lokasi supaya tidak mengundang pencerobohan.

Tiba-tiba Afifi _____ telefon bimbitnya yang sedang dicas. Dia tidak tidur bersama telefon bimbitnya yang sedang dicas itu kerana boleh membahayakan diri. Lantas dia _____ palam pengecas telefon bimbitnya kerana cas yang berlebihan boleh menyebabkan telefon bimbit meletup dan terbakar.

Ibu Afifi _____ tindakan bijak anak-anaknya itu. Beliau berasa bangga kerana mereka mematuhi arahan keselamatan yang diberikan. Mereka sekeluarga dapat _____ dengan tenang.